

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 31 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L207
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berhubung dengan beberapa tertuduh kes dadah dan bunuh yang dibebaskan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis dan Jabatan Peguam Negara untuk meningkatkan lagi siasatan dan mengumpul bukti ke atas kes-kes tersebut memandangkan pembebasan tersebut telah mengikis kepercayaan orang awam terhadap sistem keadilan negara kita.
2. PN-1131-L394
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mewujudkan klinik-klinik bergerak dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda serta helikopter untuk penduduk di pedalaman yang masih terpencil serta tiada kemudahan jalan raya untuk mendapat rawatan di klinik desa.
3. PN-1131-L486
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan pembinaan Gerbang Perdana yang sedang dalam proses pembinaannya di negeri Johor terhadap kesan pertumbuhan ekonomi dari sudut jumlah import dan eksport dan sektor pelancongan negara yang bakal diterima selepas siap pembinaannya kelak.
4. PN-1131-L532
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah kos untuk mempromosi Malaysia di luar negara pada tahun 2004 dan 2005 dan apakah negara-negara yang sering membuat promosi tersebut dan adakah ianya berbaloi dengan bilangan kemasukan pelancong ke dalam negara. Adakah telah dibuat kajian tentang ketetapan dan keberkesanan promosi-promosi tersebut.

5. PN-1131-L362
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Malaysia sedang menghadapi kekurangan bekalan daging lembu yang diimport dari Australia dan New Zealand akibat daripada isu 'halal' dan apakah jalan penyelesaian bagi masalah ini.
6. PN-1131-L421
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil dalam merealisasikan penyandaran nilai Ringgit Malaysia ke atas Dinar. Adakah langkah ini memberi kesan yang positif jika dibandingkan dengan cara sekarang.
7. PN-1131-L501
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah pemalsuan nombor-nombor pendaftaran kenderaan di negara kita.
8. PN-1131-L346
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masalah-masalah besar yang dihadapi dalam sistem penyampaian di negara ini yang memerlukan khidmat kajian pakar dari Harvard.
9. PN-1131-L682
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah cara Kementerian untuk terus mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang mempunyai potensi untuk mendiskriminasi kaum wanita memandangkan telah terbukti wanita telah banyak membantu dan memberikan sumbangan besar dari sudut ekonomi dan sosial dan aspek pembangunan keluarga dan pembangunan insan.
10. PN-1131-L596
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk pengambilan menu ayam setiap hari tanpa was was di kalangan masyarakat Malaysia.
11. PN-1131-L325
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan mengenai penubuhan "Book City" atau bandar buku di Kuala Lumpur seperti yang telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan apakah matlamat atau konsep sebenar projek ini.

12. PN-1131-L455
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab-sebab banjir kilat kerap berlaku seperti di Kuala Lumpur, Kedah, Shah Alam, Johor Bahru, Terengganu, Kelantan dan tempat-tempat lain. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil supaya masalah ini dapat ditangani.
13. PN-1131-L408
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk membantu rakyat yang telah menjadi mangsa.
14. PN-1131-L639
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan kategori kes jenayah mengikut kaum dan jantina bagi tahun 2001 hingga 2005 dan nyatakan jumlah kes-kes jenayah yang telah diselesaikan dan jumlah kategori kes-kes jenayah yang tertunggak mengikut negeri, kaum dan jantina dan strategi bagi menyelesaikan kes-kes tertunggak tersebut.
15. PN-1131-L787
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah strategi yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kejayaan mewujudkan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera dan bagi mengelak ianya menjadi sama seperti melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang sehingga kini belum lagi tercapai matlamatnya.
16. PN-1131-L326
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasionalnya PBT menaikkan cukai pintu sehingga empat kali ganda dan apakah kesannya kepada rakyat.
17. PN-1131-L425
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang berada di dalam negara kita sekarang mengikut kategori negara dan sektor pekerjaan mereka.

18. PN-1131-L302
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) jumlah keseluruhan ibu tunggal, anak yatim dan anak yatim piatu mengikut pecahan kaum dan jantina yang terdapat dalam negara kita sehingga Mac 2006; dan
 - (b) sejauh manakah Kementerian telah mengambil tindakan bagi membantu golongan tersebut.
19. PN-1131-L580
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah saman ekor yang dilaksanakan oleh Polis pada satu masa dulu telah dilaksanakan semula oleh Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.
20. PN-1131-L345
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan objektif penubuhan PIN (Pelan Integriti Nasional) dan sejauh mana program ini berkesan ke atas usaha pembasmian kegiatan rasuah.
21. PN-1131-L515
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan strategi bagi memajukan golongan ibu tunggal sebagai golongan sasaran untuk memastikan anak-anak mereka menjadi rakyat yang berjaya dan berguna kepada negara.
22. PN-1131-L435
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha Kementerian untuk memastikan projek-projek mega dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dapat ditender oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia secara terbuka dan saksama.
23. PN-1131-L718
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) jenis persiapan yang dilakukan bagi mencantikkan persekitaran bandar raya ketika persidangan-persidangan antarabangsa yang berlangsung di ibu negara seperti mesyuarat ASEAN dan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada tahun lalu; dan
 - (b) nyatakan sumber-sumber dan peruntukan yang telah digunakan dalam usaha itu.

24. PN-1131-L565
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai hasrat di masa depan untuk menggalakkan PROTON atau pembuat-pembuat kereta nasional agar membuka kilang-kilang ataupun loji pembikinan di negeri Sabah dan Sarawak agar ianya bukan sahaja dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat di Sabah dan Sarawak tetapi juga boleh menjimatkan kos pembikinnannya jika kereta-kereta tersebut dapat dipasarkan ke negara Asean seperti di Kalimantan, Indonesia, Filipina, Brunei dan sebagainya. Di samping itu rakyat di Sabah dan Sarawak dapat membeli kereta nasional dengan harga yang lebih murah.
25. PN-1131-L700
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan mata pelajaran wajib iaitu mempelajari bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris agar rakyat kita lebih mudah memasuki pasaran peringkat antarabangsa.
26. PN-1131-L140
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada sudah tiba masanya Kementerian mempertimbangkan semula sistem pendidikan sekolah memandangkan kajian menunjukkan pelajar sekolah di Malaysia memperuntukkan 70 jam seminggu untuk pelbagai kegiatan di sekolah, termasuklah kegiatan akademik, ko-kurikulum, kelas muzik, kelas agama dan tuisyen. Pelajar Malaysia dikategorikan sebagai 'pelajar terbeban' dengan jadual pembelajaran yang sangat ketat yang mengakibatkan mereka tidak mempunyai ruang untuk berfikir dan berdikari.
27. PN-1131-L762
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah air busuk yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Lembah Klang daripada terus berlaku.
28. PN-1131-L789
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tindakan dikenakan ke atas penerbit akhbar dan majalah tempatan yang dengan sengaja memburuk-burukkan imej Kerajaan pimpinan YAB. Perdana Menteri dan berapa banyakkah pula yang telah ditarik balik permit penerbitan di bawah Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dan berapa banyak pula permit baru yang telah dikeluarkan

29. PN-1131-L606
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk melatih guru-guru yang secukupnya bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan bilakah kekurangan yang berlaku dari tahun ke tahun dapat dihapuskan sama sekali.
30. PN-1131-L666
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memantapkan pertahanan udara negara daripada sebarang pencerobohan ruang udara oleh negara jiran.
31. PN-1131-L630
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan waktu belajar dan pengajaran dalam Bahasa Inggeris memandangkan ramai murid-murid yang lemah atau tidak dapat menguasai bahasa tersebut.
32. PN-1131-L386
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik penganggur lepasan SPM, STPM dan Ijazah serta langkah yang telah diambil bagi mengatasi pengangguran lepasan SPM, STPM dan Ijazah ini.
33. PN-1131-L191
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan rasional arahan Ketua Polis Negara yang mengkehendaki semua anggota polis wanita memakai tudung dalam acara-acara rasmi dan nyatakan sebab-sebab yang diberikan selain daripada dikaitkan dengan unsur-unsur agama.
34. PN-1131-L280
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan perbandingan jumlah pelancong dari Singapura yang memasuki Malaysia pada tahun 2004 dan 2005. Berapakah jumlah wang yang dibawa masuk oleh pelancong ini berbanding dengan jumlah yang dibawa oleh pelancong Negara China, Taiwan dan Negara Arab. Apakah langkah Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong Singapura ini untuk datang ke Malaysia.
35. PN-1131-L385
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap prestasi Penyampaian Maklumat di Jabatan-Jabatan Kerajaan. Apakah alat penanda aras yang diguna pakai bagi mengesan kejayaan penyampaian sistem tersebut. Apakah strategi meningkatkan Penyampaian Maklumat supaya lebih berkesan.

36. PN-1131-L557
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan bekalan air bersih kepada rakyat khususnya di sekitar Lembah Klang menjadi berbau busuk dan apakah penyelesaian terhadap masalah ini sehingga kini.
37. PN-1131-L258
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru-guru mengikut pecahan setiap bangsa dan gender di setiap negeri di Malaysia.
38. PN-1131-L221
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan banjir yang melanda landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star tahun lepas telah menjejaskan operasi di lapangan tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan masalah ini pada masa hadapan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 7/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2005) 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air 2006; | “ |
| 3. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Perkhidmatan Air Negara 2006; | “ |
| 4. | (D.R. 8/2006) | Rang Undang-undang Paten (Pindaan)
2006; | “ |
| 5. | (D.R. 9/2006) | Rang Undang-undang Pengangkutan
Jalan (Pindaan) 2006; | “ |
| 6. | (D.R. 3/2006) | Rang Undang-undang Akademi Seni
Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 6/2006) | Rang Undang-undang Pembangunan
Kemahiran Kebangsaan 2006; | “ |
| 8. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan
(Pindaan) 2005; dan | “ |
| 9. | (D.R. 2/2006) | Rang Undang-undang Lembaga
Promosi Kesihatan Malaysia 2006. | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia (LPPPM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Bagi Tahun 2004	31 Mei 2006
ST.21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.23	Laporan Tahunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.110	Laporan Tahunan Maktab Kerjasama Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.115	Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Kelang Bagi Tahun 2004	31 Mei 2006
CMD.6	Laporan Strategi MYICMS 886	31 Mei 2006